

21 APR 2001

Umno-Pemilihan (Kedah)

AFFIFUDIN TEWAS KETUA UMNO BAHAGIAN PADANG TERAP

ALOR SETAR, 21 April (Bernama) -- Datuk Dr Affifuddin Omar gagal mempertahankan jawatan Ketua Umno Bahagian Padang Terap apabila tewas ditangan timbalannya Datuk Ghazali Ibrahim dengan 19 undi.

Affifuddin yang telah tujuh penggal memegang jawatan itu mendapat 165 undi manakala Ghazali, bekas anggota exco kerajaan negeri mendapat 184 undi dalam pemilihan mesyuarat agung Umno bahagian itu di Kuala Nerang, dekat sini hari ini.

Manakala bekas Ketua Pemuda Umno bahagian itu Abdul Lateh Mohd Saman menewaskan anggota jawatankuasa bahagian Datuk Syed Sobri Syed Hashim dan Zakaria Din untuk jawatan Timbalan Ketua Umno Bahagian.

Bagi jawatan Naib Ketua Umno Bahagian pula penyandangannya Che Mat Man tewas ditangan Ahmad Kamel Abd Munin dengan majoriti 49 undi. Seorang lagi calon bekas Naib Ketua Pemuda Umno bahagian itu Zulkipli Hashim turut tewas untuk jawatan tersebut.

Di PENDANG, percubaan anggota dewan undangan negeri kawasan Sungai Tiang Rozai Shafian untuk merebut jawatan Ketua Umno Bahagian Pendang gagal apabila beliau tewas ditangan penyandangannya Datuk Othman Abdul dengan majoriti 10 undi.

Othman yang sudah lapan penggal memegang jawatan itu mendapat 228 undi, manakala Rozai, bekas Naib Ketua Umno bahagian mendapat 218 undi.

Jawatan Timbalan Ketuanya kini disandang oleh Shamsuddin Tahir menewaskan Azmi Din. Penyandang jawatan itu sebelum ini Ahmad Zakuan Ahmad tidak bertanding.

Jawatan Naib Ketuanya dimenangi oleh Mahathir Shariff menewaskan Abdul Razak Khamis.

Di SIK pula, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Otman mengekalkan jawatan Ketua Umno Bahagian Sik tanpa bertanding dalam mesyuarat agung Umno bahagian itu.

Turut menang tanpa bertanding ialah Azizan Ishak yang turut mengekalkan jawatan Naib Ketua Umno bahagian itu.

Bagi jawatan Timbalan Ketua Umno bahagian menyaksikan pertandingan dua penjuru, bagaimanapun penyandangannya, Salleh Ismail berjaya menewaskan pencabarnya Yusof Lembut.

Sementara itu di YAN, Naib Ketua Pemuda Bahagian Yan Ku Razak Ku Ismail dipilih sebagai Ketua Pemuda bahagian itu yang baru dalam mesyuarat perwakilannya.

Beliau menang jawatan itu dengan menewaskan Penolong Setiausahanya, Mokhtar Bahari.

Bagi jawatan Naib Ketua Pemuda bahagian Ketua Penerangan Basorri Hassan kalahkan Nasir Md Isa.

Penyandang Ketua Pemuda bahagian itu Datuk Mohd Suhaimi Abdullah telah melewati had umur untuk menerajui pemuda bahagian.

Mohd Suhaimi akan bertanding merebut jawatan Ketua Umno Bahagian Yan bakal berhadapan dengan penyandangannya Datuk Badrudin Amiruldin dalam pemilihan bahagian itu esok.

-- BERNAMA

MNH ZB